

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, June 11, 2019 8:20 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Puasa 27 Hari, Syawal Terindah – Wakana Rasai Suasana Beraya Di Desa




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

11 JUN 2019 / 07 SYAWAL 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Seksyen Media

PUASA 27 HARI, SYAWAL TERINDAH – WAKANA RASAI SUASANA BERAYA DI DESA



UUM ONLINE: Takbir bergema di malam raya. Tangan sibuk menganyam ketupat, menghias rumah, menggantung tirai, memasak di dapur tetapi mulut melaungkan takbir, anak-anak di luar riuh rendah bermain bunga api dihiasi lampu lip lap dan pelita yang meliuk lentok ditiup angin malam dalam hujan renyai-renyai.

Kenangan Aidilfitri terakam kemas di ingatan Wakana Katayama, 20 apabila berpeluang merasai suasana hari raya di desa nun jauh di Kampung Padang Kerasak, Kuala Nerang, Kedah.

Ibu angkat, Asiah Din, menyifatkan Wakana seorang gadis yang luhur budi, pandai membawa diri dan mudah mesra dengan sesiapa sahaja terutamanya anak-anak kecil yang terhibur dengan lagu dan kemahiran origami.

“Santun pekertinya, bila bercakap lemah lembut dan duduk bersimpuh seperti Melayu, bila diberitahu esok raya dia senyum tetapi bila kata esok tak perlu puasa dia lagi seronok mukanya berseri-seri tidak sabar-sabar nak beraya.

“Menariknya dia mencuba semua masakan Melayu yang dihidangkan dari dodol, bahu, hinggalah ke biskut moden dan dia paling suka bihun sup dan lontong, yang mana sedap dia berulang makan,” luah Asiah.

Mengakui tetamu istimewa itu diraikan dengan penuh kasih sayang bukan sahaja dirinya bahkan seluruh ahli keluarga dan rakan taulan yang cukup menyenangi anak kelahiran Shiga, Jepun.

Wakana teruja mendekati kehidupan orang Melayu dan dia sendiri tidak menyangka akan dapat menyaksikan momen bersama keluarga angkat yang menerima dirinya seadanya.

“Pada awalnya kawan sebilik terbang ke Indonesia jadi saya berseorangan di Inasis Maybank terasa sedih juga mujurlah ada yang mempelawa pulang ke kampung halamannya,” ujarnya.

Selama 27 hari berpuasa, fahamlah Wakana bahawa Ramadan bukan sekadar menahan lapar dan dahaga bahkan meninggalkan perkara buruk serta mendidik diri menjadi insan yang lebih baik.

Indahnya Syawal apabila disambut dengan penuh kesyukuran bersama insan tersayang, mengeratkan silaturahmi dengan bermaaf-maafan, berkasih sayang di antara satu sama lain dan amalan kunjung-mengunjung.

Mengimbau kembali Aidilfitri baru-baru ini, di pagi raya berjalan beramai-ramai menuju ke surau untuk bertakbir sebagai tanda kesyukuran dan menunaikan sembahyang raya.

“Selepas solat, kami menziarahi pusara tok ayah yang terletak di belakang surau sebelum mengunjungi rumah ke rumah uniknya, semua yang tinggal di kampung itu mempunyai hubungan kekeluargaan,” ceritanya.

Ramai tetamu bertandang dan tuan rumah menghidangkan juadah kepada tetamu sambil rancak bercerita tentang kisah lalu sebelum bermaaf-maafan dan bersalam-salaman.

“Masakan Melayu sedap-sedap belaka dan saya mencuba semuanya menariknya sehari sebelum raya saya belajar buat ketupat dari membuka daun palas, menganyam, sebelum merebus lebihan daun tadi diletakkan di bawah sekali barulah dimasukkan ketupat agar tidak hangit,” kongsinya.

Wakana turut berpeluang menjenguk nenek yang hidup sebatang kara dengan memberi hadiah dan kuih raya sebagai tanda kegembiraan dikongsi bersama agar dapat merasai kemeriahan Aidilfitri.

“Setelah hidup bersama orang Melayu baru saya tahu mereka mempunyai keluarga besar, baik hati, suka memberi dan saya juga ingin memberi kebaikan kepada orang lain kerana dengan cara itu akan datang banyak kebaikan dalam hidup kita,” dedahnya.

Sebelum pulang, Wakana menzahirkan rasa terharu atas sambutan yang diberikan sambil berpeluk-pelukan dengan rakan-rakan selain membawa pulang duit raya dan hadiah.

“Terima kasih untuk segalanya. Momen sangat indah dalam hidup saya yang tidak mungkin dilupakan sepanjang empat hari berada di sana.

“Hati saya cukup bahagia. Saya menghargai kebaikan mama dan anak cucu yang saya anggap seperti keluarga sendiri semoga saya akan berjumpa semula dengan keluarga ini suatu hari nanti,” luahnya.

Sementara itu, salah seorang keluarga angkat, Hazwani Abd Hamid berkata, orang kampung teruja sewaktu bertemu gadis dari negara matahari terbit itu malah ada yang meminta dia menyanyi dalam bahasa Jepun dengan mendendangkan lagu *Doraemon* dan *Kiroro Mirae*.

“Rata-ratanya seronok dapat beraya dengan orang Jepun yang berbeza budaya dan mereka cuba untuk bercakap dengannya walaupun dengan bahasa isyarat malah Wakana cukup teruja merasai pengalaman beraya buat pertama kali.

“Kebanyakan menu dia cuba, dia memang tak banyak songeh tak pernah dengar dia cakap makanan Jepun lagi sedap dari ketupat dan lemag, yang keluar dari mulutnya, semua sedap!

“Lucunya, dia makan apa sahaja yang dihidangkan sejak malam raya lagi apatah lagi dia ringan tulang menolong memasak di dapur, masuk saja hari raya pertama dah sengkak perut.

Mereka turut berkongsi kehidupan dan adat melayu misalnya makan dengan tangan, membuka kasut sebelum memasuki rumah, memakai inai, bagaimana bersalam dengan orang tua dan makan masakan Melayu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.